

# Bayar ejen hingga RM7,000 untuk dapat kad UNHCR

## Etnik Rohingya buat dakwaan selepas ditahan dalam serbuan di tapak projek

Oleh Nur Izzati Mohamad  
bhnews@bh.com.my

**Tasek Gelugor:** Ada pendatang tanpa izin (PATI) mendakwa membayar di antara RM5,000 hingga RM7,000 kepada ejen, bagi mendapatkan kad pelarian Suruhanjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNHCR).

Etnik Rohingya itu membuat dakwaan berkenaan selepas ditahan dalam operasi Jabatan Imigresen Malaysia (Imigresen) di sebuah tapak projek perumahan, di sini, malam kelmarin.

Dalam operasi bermula jam 11.15 malam itu, 36 pekerja asing diperiksa dan seramai 25 pekerja asing dikenan masuk ke negara ini tanpa dokumen sah, tinggal lebih masa dan mempunyai dokumen meragukan, khususnya pemegang kad UNHCR dipercayai tidak tulen.

### Mohon KDN teliti

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Seri Khairul Dzaimée Daud, berkata pihaknya akan mengemukakan berhubung dapatan kad UNHCR kepada jawatankuasa



Khairul Dzaimée (tiga dari kiri) melakukan pemeriksaan terhadap warga asing yang ditahan di Tasek Gelugor, malam kelmarin.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk penelitian lanjut.

"Dalam operasi ini, seramai 25 PATI ditahan membabitkan 10 warga Bangladesh, lapan warga Indonesia, satu warga Nepal, lima warga Myanmar dan seorang wanita warga Myanmar.

"Temu bual bersama beberapa pemegang kad UNHCR etnik Rohingya mendapati mereka masuk ke Malaysia melalui pintu sempadan di Kedah, Thailand dan Kelantan.

"Selepas itu mereka membayar

di antara RM5,000 hingga RM7,000 kepada ejen yang menguruskan untuk membawa mereka ke pejabat UNHCR di Kuala Lumpur, bagi mendapatkan kad berkenaan.

Kita akan rujuk kepada jawatankuasa KDN untuk diteliti," katanya, semalam.

Beliau berkata, semua PATI itu dibawa ke pejabat Imigresen negeri untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 6 (1) (c) Akta Imigresen 1969/1963 dan Seksyen

15 (1) (c) akta sama.

Khairul Dzaimée berkata, Imigresen Pulau Pinang melakukan 261 operasi tahun ini bagi membanteras kemasukan PATI.

Daripada jumlah itu, katanya, seramai 193 PATI dan 32 majikan ditahan, selain ada yang sudah didakwa.

"Walaupun jumlah penahanan ini tidak ramai, namun kompaun yang dikenakan terhadap mereka adalah lebih RM2.5 juta," katanya.